

**KEPRIHATINAN IBUBAPA PELAJAR BUMIPUTERA
TERHADAP PENDIDIKAN ANAK-ANAK MEREKA
KAJIAN KES DI KOTA SAMARAHAN**

**KHAIRIL ANNUAR B. JAMALUDDIN
ABDUL RAHMAN B. ZIALEN
LUQMAN B. MINAN
RISMALIZA MADDURA BT. JAMALUDIN
WIDAWATI BT. MAT**

**FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
KAMPUS SAMARAHAN**

DISEMBER 2000

ISI KANDUNGAN

Surat Perakuan	i
Penghargaan	ii
Abstrak	iii

BAB 1 PENGENALAN	1
-------------------------	----------

1.1 Skop Kajian	3
1.2 Objektif Kajian	4
1.3 Penyata Masalah	5
1.4 Hipotesis	6
1.5 Kepentingan Kajian	7
1.6 Susunan Bab	9

BAB 2 TINJAUAN KAJIAN	11
------------------------------	-----------

BAB 3 METODOLOGI	14
3.1 Kaedah Pensampelan	14
3.2 Data Primer	15
(a) Temuduga	
(b) Soal selidik	
(c) Pemerhatian	

ABSTRAK

Keprihatinan ibubapa pelajar bumiputera terhadap tahap pendidikan anak-anak kajian kes Kota Samarahan merupakan tajuk penyelidikan bagi kumpulan kami. Tujuan utama kumpulan kami membuat penyelidikan ini adalah untuk melihat sejauh mana keprihatinan ibubapa terhadap pendidikan anak-anak mereka di dalam memartabatkan golongan bumiputera. Di samping itu tujuan kajian ini adalah untuk memenuhi syarat matapelajaran PAD 340 di samping untuk mencari punca kelemahan ibubapa didalam memberikan pendidikan formal terhadap anak mereka.

Kami telah sepakat untuk memilih Kota Samarahan sebagai tempat kajian. Ini adalah kerana Kota Samarahan adalah merupakan kawasan yang mempunyai golongan bumiputera yang belum begitu berkembang dalam pendidikan. Selain itu juga kawasan Kota Samarahan akan menjadi pusat pendidikan bagi negeri Sarawak. Ini terbukti apabila adanya UNIMAS, UiTM dan Maktab Perguruan Samarahan.

Responden kami terdiri daripada 200 orang dimana responden dipilih daripada beberapa buah kampung yang terdapat di Kota Samarahan. Manakala selebihnya adalah merupakan ibubapa yang merupakan individu yang dipilih secara rawak.

Untuk mendapatkan lagi maklumat yang terperinci, kami telah menemui beberapa orang guru untuk memperolehi pandangan serta masalah-masalah yang dihadapi oleh para ibubapa. Andaian yang kami buat adalah sikap ibubapa yang tidak mengambil endah merupakan faktor utama menyebabkan anak-anak mereka ketinggalan di dalam pendidikan.

Kesimpulannya, keprihatinan ibubapa terhadap anak-anak merupakan satu perkara yang boleh mempertingkatkan martabat pendidikan di kalangan golongan bumiputera. Selain itu juga kecenderungan dan kesedaran pelajar terhadap pelajaran dan masa depannya adalah tanggungjawab sepenuhnya.

1.1 Skop Kajian

Skop kajian adalah merangkumi aspek suasana keluarga yang menjadi punca-punca pencapaian anak di dalam akademik. Ianya berdasarkan kepada kajian di bahagian Kota Samarahan.

Kajian ini akan memberikan tumpuan dari aspek tanggungjawab ibubapa. Pengukuran ini dibuat berdasarkan aspek sejauh mana keprihatinan ibubapa terhadap pelajaran anak-anak. Oleh itu satu mekanisma akan diperolehi dari hasil kajian dan mekanisma ini adalah diharapkan dapat membuktikan sesuatu kebenaran dan mengatasi sebarang masalah yang timbul.

Pada dasarnya, kajian ini dibuat adalah untuk mengkaji institusi kepada perkembangan emosi anak-anak. Ini adalah kerana ibubapa adalah merupakan agen yang paling hampir bagi membentuk peribadi anak-anak yang berkualiti terutama sekali dari aspek pendidikan.

Skop kajian ini meliputi tiga pihak iaitu ibubapa, anak-anak dan faktor persekitaran. Ini merangkumi pandangan serta pemahaman mereka berhubung dengan masalah pendidikan dan tindakbalas ibubapa, masyarakat dan anak-anak itu sendiri. Pengukuran dibuat berhubung sejauh mana penglibatan ibubapa dan anak-anak dalam mengatasi setiap masalah yang timbul.

Oleh itu berdasarkan hasil kajian adalah diharapkan satu mekanisma akan dapat diketengahkan bagi menyelesaikan masalah terhadap sikap dan tanggungjawab ibubapa dalam sesebuah institusi keluarga. Oleh itu mekanisme-mekanisme ini sudah pastinya akan mengemukakan langkah-langkah yang efisyen untuk mengubah nilai-nilai atau norma-norma hidup terutama yang berhubung dengan masalah pendidikan anak-anak.

1.2 Objektif Kajian

Dalam memantapkan lagi kajian serta tinjauan ini disenaraikan beberapa objektif kajian sebagai garis panduan untuk menyokong kukuh kajian ini.

Tujuan penyelidikan adalah bertujuan mengukur sejauhmana kepekaan ibubapa terhadap perkembangan pendidikan anak-anak mereka. Tujuan ini dibuat untuk menganalisa tahap keprihatinan dan faktor-faktor yang mempengaruhi ibubapa terhadap pendidikan anak-anak mereka. Ini kerana ibubapa yang peka dengan akademik anak-anak adalah merupakan mereka yang terdorong oleh pelbagai faktor. Antara lain yang ingin dicapai di dalam kajian ini adalah ingin mengetahui samaada terdapat faktor seperti kewangan, kejayaan orang lain yang menyebabkan ibubapa peka atau sebaliknya terhadap tahap akademik anak-anak.

Di samping itu juga, objektif lain adalah mengkaji dalam mengkaji pencapaian pelajar-pelajar bumiputera dalam peperiksaan awam. Kita ingin melihat adanya peningkatan hasil daripada dorongan ibubapa keatas pencapaian peperiksaan anak-anak.

Namun begitu, kajian ini adalah ditumpukan kepada ibubapa, iaitu samaada ibubapa yang menjadi pemangkin utama kepada tahap perkembangan pendidikan anak-anak mereka. Bagaimana pula dengan peranan anak-anak itu sendiri?